

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 OKTOBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Malaysia mampu jadi kuasa ekonomi Islam

Malaysia mampu jadi kuasa ekonomi Islam

Malaysia sebagai sebuah negara terkemuka dalam dunia Islam, mampu menawarkan banyak perkara, terutama yang membabitkan amalan terbaik, perdagangan dan inovasi, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

“Negara ini adalah contoh bagi ekonomi halal dan berjaya menempatkan dirinya sebagai penggerak utama ekonomi halal global,” katanya sambil menambah berdasarkan Skor Penunjuk Ekonomi Islam Global (GIEI), Malaysia sudah berada di kedudukan nombor satu selama sembilan tahun berturut-turut.

Ekonomi halal menyumbang kira-kira 7.5 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, kata Mustapa pada Forum Perniagaan Muslim Global 2022 yang diadakan secara maya, semalam.

Beliau berkata, negara kini menerajui kewangan Islam, makanan

halal, pelancongan mesra Islam dan sektor media dan rekreasi.

“Komponen terbesar ekonomi halal ialah sektor makanan, menyumbangkan kira-kira AS\$31 bilion.

“Malaysia adalah perintis dalam kewangan Islam dan industri itu cukup maju dan dikawal dengan baik di negara kita. Kita adalah antara lima negara teratas dengan aset kewangan Islam terbesar dengan lebih AS\$619.7 bilion pada 2021,” katanya.

Malaysia terus mendahului dengan inovasi, tambahnya sambil menyatakan pada tahun lalu, negara ini menerbitkan nota komersial berkaitan kemampunan kewangan Islam berdenominasi dolar AS yang pertama di dunia.

“Begitu juga pensijilan halal Malaysia yang diiktiraf pada peringkat global. Cop keaslian halal Malaysia membantu mengelakkan ‘pencucian wang kotor’ dan membina kepercayaan, teru-

tama dalam perdagangan antara-bangsa,” katanya.

Ekonomi halal

Menurut Mustapa, kerajaan juga terus menekankan kepentingan ekonomi halal.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), beliau berkata, strategi utama ialah meletakkan Malaysia sebagai hab global dengan merancang pembangunan bakat halal, memperkenalkan pengiktirafan profesional halal, merangsang pembangunan industri dan meningkatkan daya saing produk.

Sasarannya adalah untuk melonjakkan sumbangan ekonomi halal daripada KDNK kepada 8.1 peratus dan menjana lebih AS\$12 bilion hasil eksport menjelang 2025, katanya.

Menyentuh tema forum ‘Kebangkitan Ekonomi Islam Global: Memfokuskan Semula, Menetapkan Semula dan Pulih Dalam Era

Pascapandemik’, Mustapa berkata, ia konsisten dengan potensi perniagaan yang besar bagi 1.9 bilion pengguna Islam di seluruh dunia.

Perbelanjaan masyarakat Muslim seluruh dunia mencecah AS\$2 trilion pada 2021 merangkumi pelbagai sektor seperti makanan, fesyen dan kewangan, selain AS\$3.6 trilion aset kewangan Islam seperti sukuk dan bon Islam.

Memetik Laporan Keadaan Ekonomi Islam Global terkini oleh DinarStandard, beliau berkata, tahap perbelanjaan pengguna untuk semua sektor ekonomi Islam global, kecuali untuk perjalanan sudah kembali ke tahap sebelum pandemik setakat akhir tahun lalu.

“Prospek untuk ekonomi Islam global adalah baik. Permintaan untuk barangan dan perkhidmatan halal dijangka meningkat dengan unjuran perbelanjaan global mencecah AS\$2.8 trilion menjelang 2025. BERNAMA